

23 APR 1996
Sarji-ISO
ISO 9000 UNTUK PERKHIDMATAN AWAM

Oleh: Salbiah Said

MALTA, 23 April (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid akan mengadakan mesyuarat dengan ketua-ketua jabatan kerajaan pada 7 Mei bagi membincangkan cara melaksanakan ISO 9000 dalam perkhidmatan awam negara.

Ini berikutan lawatan beliau ke jabatan-jabatan kerajaan di United Kingdom (UK) baru-baru ini seperti Jabatan Penerbangan Awam UK dan Jabatan Perdagangan Patut UK yang melaksanakan ISO 9000. Beliau juga telah melawat ibu pejabat ISO 9000 di Geneva.

Ahmad Sarji berkata demikian kepada pemberita sempena perlantikan beliau sebagai Presiden Persatuan Pentadbiran and Pengurusan Awam Komanwel (Capam) di San Gorg Corinthia Hotel, di sini. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi ucapan utama pada mesyuarat empat hari itu semalam.

Menurutnya, tiap-tiap jabatan kerajaan boleh memperkenalkan ISO 9000. Pada mesyuarat pertama itu kelak, beliau akan mengeluarkan satu kenyataan untuk semua ketua jabatan kerajaan mengamalkan ISO 9000 supaya perkhidmatan kerajaan boleh menjadi lebih cekap dan berkesan.

Beliau berkata beliau sedang merangka draf garis panduan ISO 9000 untuk perkhidmatan awam dan untuk permulaan, keutamaan akan diberikan kepada jabatan kerajaan yang mempunyai urusan dalam ekonomi dan perdagangan.

Ahmad Sarji berkata standard yang akan diperkenalkan kepada perkhidmatan awam itu tidak memerlukan belanjawan tambahan. Menurutnya, 20 dimensi mutu yang penting akan didokumentasikan bagi membolehkan ISO 9000 dilaksanakan dengan mudah.

Piagam-piagam yang sedia ada seperti Piagam Pelanggan tidak akan diketepikan kerana apa yang telah dilaksanakan merupakan elemen penting ISO 9000.

Ketua-ketua jabatan tidak harus bimbang dengan langkah ini kerana, sebagaimana Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) boleh memberi perakuan kualiti kepada produk industri, perakuan kualiti dalam konteks pengurusan perkhidmatan awam juga penting.

Latihan dan kursus dalam ISO 9000 untuk kakitangan awam akan juga diadakan, katanya.

Ahmad Sarji berkata Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) akan diminta menjadi badan pengawas seperti Sirim untuk memberi perakuan kualiti kepada perkhidmatan awam. -- BERNAMA

SS NMO